

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB LIM GUAN ENG**
(BAGAN)
TARIKH : **12 MAC 2018 (ISNIN)**
SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek tebatan banjir bernilai RM1 bilion kepada Pulau Pinang sebagaimana dijanjikan pada lawatannya ke negeri tersebut selepas bencana ribut dan banjir terburuk pada 4 dan 5 November 2017. Bilakah rakyat Pulau Pinang akan mendapat bantuan wang bencana banjir sebanyak RM500 setiap mangsa. Apakah sebab mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang hanya menerima RM35,000 daripada keseluruhan jumlah RM235 juta yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada mangsa banjir sejak 2013.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Hujan lebat dan angin kencang pada 4 November 2017 bermula pukul 2 petang dan berlarutan sehingga 5 pagi pada 5 November 2017 selama 16 jam di kawasan Pulau Pinang dan Kedah, telah menyaksikan hampir keseluruhan kawasan rendah di Pulau Pinang dinaiki air. Ratusan pokok tumbang, beberapa kawasan mengalami kejadian tanah runtuh dan Pulau Pinang ketika itu lumpuh selepas puluhan jalan ditutup setelah negeri itu dilanda banjir berikutan hujan lebat lebih 16 jam. Paras air sungai meningkat dengan cepat kerana bertembung dengan kejadian air pasang mengakibatkan limpahan air berlaku dengan pantas meliputi sebahagian besar kawasan Seberang Prai.

Susulan kejadian banjir itu, satu jawatankuasa telah ditubuhkan melibatkan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama dengan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (ICU Pulau Pinang). Jawatankuasa ini telah bermesyuarat dan bertanggungjawab untuk meneliti secara terperinci cadangan pelaksanaan 13 projek Mitigasi Banjir di Pulau Pinang dengan anggaran kos RM1.0 bilion seperti yang telah dibentangkan semasa lawatan YAB Perdana Menteri pada 7 November 2017. Cadangan projek tersebut memerlukan kajian menyeluruh dan holistik dengan mengambil kira impak pembangunan di lembangan bagi memastikan masalah banjir buruk di Pulau Pinang dapat diatasi dengan berkesan dan tidak akan berulang lagi.

Di samping itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah membelanjakan sejumlah

RM1.254 bilion untuk projek-projek tebatan banjir bagi menaik taraf sistem saliran di bandar Pulau Pinang sejak RMKe-5 sehingga RMKe-10. Selain itu, dalam RMKe-11, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan bagi Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan bercadang untuk menyampaikan agihan bantuan wang ihsan menerusi Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) kepada mangsa bencana banjir negeri Pulau Pinang bagi kejadian banjir sepanjang tahun 2017 pada pertengahan bulan Mac 2018 ini. Bantuan wang ihsan Kerajaan Persekutuan kepada keseluruhan mangsa banjir negeri ini akan diagihkan kepada sejumlah **22,534** Ketua Isi Rumah (KIR) yang melibatkan peruntukan berjumlah **RM5,633,500.00**.

Sejak tahun 2013 sehingga 2016, negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM35,000 agihan wang ihsan. Ini adalah kerana Pulau Pinang hanya mengalami monsun pada tahun 2013 yang melibatkan sejumlah 71 keluarga yang terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara. Manakala pada tahun 2014 sehinggalah 2016 tiada kejadian banjir monsun yang melanda negeri ini kecuali kejadian-kejadian banjir kilat sahaja.

101

SOALAN (40)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 12 MAC 2018
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH**

SOALAN :

YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan kita dalam "Happiness Index". Apakah faktor yang boleh memperkukuhkan kedudukan negara kita.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia menduduki tangga ke-42 daripada 155 negara dalam *World Happiness Report 2017* yang dikeluarkan secara tahunan oleh *Sustainable Development Solutions Network*. Ini merupakan peningkatan kedua berturut-turut bagi Malaysia sejak tahun 2015. Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia menduduki tempat ketiga selepas Singapura (tangga ke-26) dan Thailand (32) serta lebih baik jika dibandingkan dengan negara anggota ASEAN yang lain seperti Filipina (72) dan Indonesia (81). Malah, kedudukan negara kita juga lebih tinggi jika dibandingkan dengan beberapa negara maju seperti Itali (48), Jepun (51), Korea Selatan (56) dan Hong Kong (71). Pencapaian ini disokong oleh peningkatan dalam aspek sokongan sosial, tahap pendapatan per kapita dan kebebasan membuat pilihan.

Pencapaian keseluruhan ini merupakan hasil daripada dasar dan program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sejak lebih empat dekad untuk memastikan tahap kesejahteraan hidup rakyat meningkat selaras dengan pembangunan fizikal negara. Falsafah pembangunan seimbang ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-

11 (RMke-11) yang telah dirangka dengan tumpuan yang lebih diberikan kepada pembangunan ekonomi yang berteraskan rakyat dengan tiga teras strategi utama untuk memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang lebih saksama, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meningkatkan pembangunan modal insan.

Dasar pembangunan modal insan akan diberi lebih penekanan untuk memastikan rakyat terlatih untuk memenuhi keperluan industri sekarang dan akan datang serta dapat menjawat pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Dasar gaji minimum juga telah diperkenalkan untuk memastikan pendapatan pekerja tempatan ditingkatkan. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada aspek pembangunan sosial dalam usaha membantu rakyat menangani beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Ini termasuklah pemberian wang tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada isi rumah berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukannya dan kemudahan Klinik 1Malaysia yang menawarkan perkhidmatan pada kadar yang amat minimal, iaitu serendah RM1. Terdapat juga klinik kesihatan (KK) yang beroperasi di seluruh Malaysia, di mana sebanyak 242 KK tersebut dilengkapi dengan perkhidmatan pakar. Usaha untuk menambah baik pengangkutan awam juga akan diteruskan untuk memudahkan rakyat mendapat akses bagi

memperluas aktiviti mencari pekerjaan, beriadah, mendapat keperluan harian dan merapatkan jalinan perhubungan.

Selain itu, Kerajaan telah melaksanakan lebih banyak program rumah mampu milik seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Program Bantuan Rumah (PBR) dan pelbagai usaha dan inisiatif lain bagi meningkatkan kesejahteraan serta tahap kualiti hidup yang lebih baik kepada segenap lapisan rakyat.

Sekian, terima kasih.

12 Mac 2018